

# Penyata Pengerusi

**"Kita bertekad untuk mengukuhkan kekuatan demi mencapai lebih kejayaan."**

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan yang telah Diaudit bagi Kumpulan Syarikat-Syarikat Genting ("Kumpulan" atau "Kumpulan Genting") untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005.

## KAJIAN PRESTASI

Ekonomi Malaysia telah mencapai kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang mantap iaitu 5.3% dalam 2005, walaupun menghadapi pelbagai cabaran dunia seperti kenaikan harga minyak dan kenaikan kadar faedah. Sejak dengan pertumbuhan ekonomi negara, Kumpulan telah mencatatkan satu prestasi yang lebih baik dalam tahun 2005. Perolehan Kumpulan telah meningkat sebanyak 17% untuk mencatat satu paras rekod tertinggi yang baru iaitu sebanyak RM5.5 bilion dalam 2005 (2004: RM4.6 bilion). Keuntungan sebelum cukai Kumpulan telah meningkat sebanyak 37% untuk melebihi tahap RM2 bilion, dengan mencatatkan satu rekod tertinggi iaitu sebanyak RM2.4 bilion dalam 2005 (2004: RM1.8 bilion).

Prestasi yang lebih baik dalam 2005 adalah terutamanya didorong oleh peningkatan sumbangan-sumbangan daripada Bahagian-bahagian Peranginan & Keraian, Bahagian Minyak & Gas dan Hartanah. Peningkatan perolehan and keuntungan


dari pada Bahagian Peranginan dan Keraian terutamanya didorong oleh ketibaan para pengunjung dan jumlah perniagaan permainan yang lebih tinggi. Bahagian Hartanah telah manfaat terutamanya daripada aliran perolehan yang lebih tinggi bagi harta tanah jualannya dalam 2005 sementara Bahagian Minyak dan Gas telah manfaat daripada harga-harga purata minyak yang lebih tinggi dan hasil keluaran yang meningkat dalam tahun tersebut.

## SOROTAN KEWANGAN


Tahun Berakhir 31 Disember	2005 RM Juta	2004 RM Juta	Beza %
Perolehan operasi	5,454.1	4,647.0	17
Untung sebelum cukai	2,439.3	1,777.8	37
Untung selepas cukai	1,811.7	1,434.1	26
Untung bersih bagi tahun semasa	1,247.0	928.0	34
Ekuiti pemegang saham	9,002.0	7,868.5	14
Jumlah aset diguna	18,491.3	16,596.5	11
Perolehan atas sesaham [sen] *	176.95	131.76	34
Perolehan bersih sesaham [sen] *	176.05	131.32	34
Dividen bersih sesaham [sen]	20.88	17.28	21
Liputan dividen [times] *	8.5	7.6	12
Aset bersih sesaham [RM]	12.76	11.17	14
Aset ketara bersih sesaham [RM]	12.56	11.15	13
Pulangan (selepas cukai dan kepentingan minoriti) per purata ekuiti pemegang saham [%]	14.78	12.45	19

\* Dikira berdasarkan untung selepas cukai dan kepentingan minoriti.


## UNTUNG SEBELUM CUKAI




## JUMLAH ASET DIGUNA



## PEROLEHAN ASAS SESAHAM



## ASET KETARA BERSIH SESAHAM



Bahagian Perladangan telah mencatatkan perolehan dan keuntungan yang lebih rendah akibat daripada harga jualan produk-produk kelapa sawit yang lebih rendah dalam 2005, sementara perolehan dan keuntungan yang lebih rendah untuk Bahagian Janakuasa adalah disebabkan terutamanya oleh jumlah hari operasi yang berkurangan akibat daripada pemeriksaan-pemeriksaan utama ke atas kesemua turbin-turbin gas dan kerja penyelenggaraan loji janakuasanya di Kuala Langat, Malaysia.

Bahagian Perkilangan telah merekodkan peningkatan dalam perolehannya yang didorong oleh harga jualan produk-produknya yang lebih tinggi, tetapi telah mencatatkan keuntungan yang lebih rendah akibat terutamanya oleh kos pengeluaran, kerja-kerja pembaikan and penyelenggaraan yang meningkat.

Keuntungan Kumpulan daripada entiti-entiti kawalan bersama dan sekutu-sekutunya telah meningkat sebanyak 32% kepada RM45.8 juta dalam tahun 2005. Ini termasuk keuntungan sebanyak RM15.4 juta daripada Star Cruises Limited ("Star Cruises"), berbanding dengan RM12.8 juta dalam tahun 2004. Tambahan, keuntungan Kumpulan dalam tahun 2005 juga termasuk keuntungan sekali sebanyak RM136.7 juta hasil daripada pencairan pegangan saham Kumpulan dalam Genting International P.L.C. ("Genting International") dan keuntungan pelaburan sekali sebanyak RM113.5 juta.

#### DIVIDEN

Kumpulan berhasrat untuk mengekalkan keseimbangan yang munasabah di antara dividen-dividen yang dibayar dengan dana-dana yang diperuntukkan bagi tabung kewangan demi perkembangan perniagaan di masa hadapan. Dividen interim sebanyak 10.0 sen sesaham tolak cukai 28%, berjumlah RM50.7 juta telah dibayar pada 28 Oktober 2005. Sejarah dengan prestasi keseluruhan Kumpulan yang lebih baik, Lembaga Pengarah telah mencadangkan untuk menaikkan dividen kasar akhir dalam tahun 2005 kepada 19.0 sen sesaham daripada 16.0 sen sesaham dalam tahun kewangan sebelumnya, tolak cukai pendapatan sebanyak 28%.

Dividen akhir yang berjumlah RM96.5 juta akan memerlukan kelulusan para pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan Ke-38 yang akan datang. Jumlah dividen kasar sesaham untuk tahun 2005 akan meningkat kepada 29.0 sen daripada 24.0 sen dalam tahun sebelumnya.

#### PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Sebagai salah satu korporat antarabangsa yang terkemuka dan yang berpengurusan terbaik di Asia, Kumpulan Genting bertekad untuk mengukuhkan dan mengembangkan perniagaan-perniagaan asasnya. 2005 merupakan satu tahun yang istimewa dan penuh dengan detik kenangan manis kerana Kumpulan Genting telah meraikan perayaan ulang tahun yang ke-40. Ia merupakan satu lagi tahun yang memberangsangkan kerana Kumpulan telah mencatatkan

beberapa pencapaian unggul dan telah melaksanakan usaha-usaha korporat yang penting demi menempatkan diri untuk perkembangan selanjutnya.

**Genting Highlands Resort**, iaitu permata mahkota untuk **Bahagian Peranginan dan Keraian** telah dianugerahkan sebagai **Resort Kasino Terkemuka di Dunia (World's Leading Casino Resort)** dan **Resort Kasino Terkemuka di Asia (Asia's Leading Casino Resort)** oleh World Travel Awards 2005. Ini merupakan satu testimoni terhadap kecemerlangan perkhidmatannya dan pengiktirafan bertaraf dunia. Walaupun Kumpulan berbangga dengan anugerahan-anugerah ini, Genting Highlands Resort adalah lebih daripada hanya sebuah resort kasino. Ia adalah 'kota raya hiburan' dan salah satu destinasi pelancongan yang ikonik di Malaysia. Genting Highlands Resort adalah sebuah resort peranginan dan hiburan bersepadu yang menyediakan semua sektor pasaran dalam industri peranginan dan keraian - merangkumi dari taman tema dalam premis dan luar premis, persembahan dan acara hiburan mega, beli-belah, makanan, spa, golf, kereta kabel, kegiatan eko-alam semulajadi dan banyak lagi. Resort bersepadu ini telah mencatatkan satu rekod baru dalam jumlah para pengunjung seramai 18.7 juta dalam tahun 2005.

Tahun ini merupakan tahun sambutan yang sungguh meriah dengan **Genting - Kota Keriangan** menyediakan waktuwaktu keriangan yang menakjubkan untuk semua. Rekod sebanyak 988 hari persembahan telah berlangsung dalam tahun 2005 dengan persembahan-persembahan hiburan and konsert bertaraf dunia serta menghiburi lebih daripada 800,000 tetamu. Persembahan gilang-gemilang oleh para artis bertaraf dunia seperti Robin Gibb, Michael Bolton, Engelbert Humperdinck, Sheena Easton, Laura Fygi, Michael Learns to Rock serta persembahan klasik sepanjang zaman seperti The Platters telah diadakan di resort bersepadu ini. Pelancong muda dan dewasa dihiburkan dengan persembahan-persembahan muzikal West-End seperti Oliver and persembahan ekstravaganza yang mempersonakan seperti "Xtreme" dan "Xtreme II".

**First World Hotel & Plaza**, yang merupakan hotel, plaza beli-belah dan hiburan yang paling besar dan tertinggi di Malaysia telah mencatatkan satu lagi pencapaian bersejarah dalam tahun 2005. Menara 2 First World Hotel yang mempunyai kira-kira 3,000 bilik telah disiapkan pada Disember 2005. Dengan siapnya projek ini, saya dengan sukacitanya mengumumkan yang First World Hotel kini adalah **hotel yang terbesar di dunia** dengan 6,200 bilik.

**Maxims Club** telah dipertingkatkan dengan penginapan dan perkhidmatan bertaraf 6 bintang dalam tahun 2005. Empat aras di Genting Hotel telah diubahsuaikan kepada bilik mewah dan suite mega Maxims. **Maxims Residences** yang terletak di aras 17 dan 18 di Genting Hotel memaparkan **Royal Suite** seluas 13,000 kaki persegi dengan kelengkapan-kelengkapan mewah dan canggih. **M Spa & Fitness** yang berasaskan bentuk elegan dan menawarkan peralatan gim terkini

dan pelbagai rawatan spa, telah menjadi tempat kegemaran untuk melegakan tekanan dan berehat. Kesemua kelengkapan ini telah memperkuuhkan lagi taraf Maxims Club sebagai pilihan nombor 1 di kalangan para pelanggan mewah Resort untuk menikmati keselesaan mewah yang serba canggih.

Bahagian ini sentiasa mempertingkatkan taraf jalan dan infrastruktur demi memastikan para pengunjung dapat melawat ke Genting Highlands Resort dengan selamat dan selesa. Jalan pintas dua lorong sejauh 4.5 kilometer yang menghubungkan kawasan puncak gunung dengan kuil Chin Swee Caves, mula dibina dalam tahun 2004 dan telah disiapkan pada Ogos 2005. Jalan raya ini berfungsi sebagai laluan alternatif ke kawasan puncak gunung dan menyuraikan aliran trafik semasa musim puncak kedatangan pengunjung. Kerja pembinaan sebuah kompleks kediaman kakitangan yang baru telah bermula pada Mei 2005 demi menampung pertambahan populasi kakitangan dan ia dijadual siap dalam tahun 2007.

Sehingga kini, Bahagian Peranginan dan Keraian telah melabur lebih daripada RM5 bilion untuk memajukan Genting Highlands Resort dan Kumpulan berkomited untuk terus melabur balik demi kemajuan yang berterusan.

Pada tahun dalam tinjauan, **Genting Theme Park** telah memenangi anugerah **Resort Keluarga Terbaik (Best Family Resort)** di Hospitality Asia Platinum Awards 2005-2006. Anugerah berprestij ini telah meningkatkan lagi populariti Resort dan memberi pengiktirafan kepada taraf mutu perkhidmatan dan produknya yang tinggi. Selain itu, Genting Theme Park telah menjadi taman tema pertama di rantau ini untuk diiktirafkan dengan ISO 9001:2000 Sistem-sistem Pengurusan Kualiti dan Piawai oleh Lloyd's Register Quality Assurance Ltd.

Genting Theme Park akan terus menekankan strategi "3E" iaitu Menakjubkan, Ekstrem dan Luarbiasa (*Exciting, Extreme and Extraordinary*). Permainan-permainan keseronokan yang hebat termasuk *Flying Coaster* yang terkini, iaitu roller coaster gantung meluncur yang pertama di Asia, telah terbukti sangat popular untuk menarik berjuta-juta pengunjung setiap tahun. Satu lagi tarikan baru yang menakjubkan ialah *4D Motion Master Theater*, iaitu teater sedemikian yang terulung di Malaysia.

Bahagian ini telah memperkenalkan konsep menjamu selera yang baru dan beraliran trend terkini serta premis-premis niaganya yang telah diubahsuai demikian menawarkan rangkaian makanan dan pengalaman menjamu selera yang lebih beraneka pilihan dalam tahun 2005. *Coffee Terrace*, *Resort Café* dan *Restoran Kampong* telah dikonsepsikan semula untuk menampilkan suasana yang moden lagi segar demi keselesaan jamu selera para pelanggannya. *The Olive*, restoran mewah trend terkini dan kontemporari di Resort, telah memenangi anugerah **Restaurant Of The Year** di Hospitality Asia Platinum Awards pada November 2005.

Kumpulan melalui Genting International telah mengambil alih kawalan operasi **Maxims Casino Club, London** pada Januari 2005 dan telah mengambil langkah untuk mempertingkatkan kecekapan, sistem dan kawalan perniagaannya. Pada masa yang sama, Genting International telah melaksanakan satu program pembangunan untuk mengubah suai premis kelab ini secara ansuran di samping melancarkan satu program pemasaran pro-aktif dengan bekerja sama rapat semungkin dengan Maxims Genting Highlands, Malaysia. Secara keseluruhan, prestasi Maxims Casino Club, London dalam tahun 2005 adalah memuaskan.

Pada 3 Februari 2006, Kumpulan melalui Genting International telah memperkembangkan tapaknya di London dengan membeli kepentingan dalam tiga hartaan di **Kensington**, iaitu 99-121 Kensington High Street, 1 Derry Street dan 25 Kensington Square. Hartanah-hartanah tersebut telah dibelikan dengan jumlah nilai sebanyak £109.4 juta oleh syarikat usaha sama, 808 Holdings Pte Ltd di mana Genting International memegang satu pertiga kepentingannya. Kepentingan selebihnya dipegang oleh dua rakan lain yang mempunyai perkaitan dengan CapitaLand Ltd dan HPL Properties Limited. Masing-masing memegang satu pertiga kepentingan.

**WorldCard**, program kesetiaan pelanggan Kumpulan yang diurus oleh eGENTING, telah berkembang dan mencapai hampir 2.0 juta ahli dalam tahun 2005. Satu perjanjian dengan Star Cruises pada Januari 2004 telah membolehkan WorldCard untuk memaju dan memperluaskan secara usaha sama. Ahli-ahli WorldCard boleh menikmati nilai dan pengiktirafan merentasi sempadan di kira-kira 270 syarikat-syarikat dagang yang meliputi lebih daripada 1,500 premis niaga di Malaysia, Singapura dan Hong Kong termasuk bidang peranginan, makanan, membeli-belah dan hiburan.

Rangkaian hotel **Awana** telah mencapai prestasi yang baik melalui pelbagai pemasaran yang inovatif and perkhidmatan yang baik, walaupun berlaku kemerosotan ketibaan para pengunjung ke resort-resort pantai di Malaysia, akibat kebimbangan berikutan bencana tsunami di Lautan Hindi pada Disember 2004. Bagi tahun kedua secara berturut-turut, Awana Kijal Golf, Beach & Spa Resort di Terengganu telah diiktirafkan sebagai **Resort Nombor 1 di Pantai Timur** 2005 oleh majalah Hospitality.

**Star Cruises**, syarikat sekutu Kumpulan, telah memenangi anugerah **Pengendali Kapal Persiaran Terbaik di Asia Pasifik (Best Cruise Operator in Asia-Pacific)** 2005 untuk rekod sejarah kali kelapan di anugerah pelancongan TTG. Pada September 2005, Star Cruises telah meluaskan operasinya di rantau Asia, iaitu merangkumi India dengan kapal persiaran **SuperStar Libra** yang mempelopori operasi berpangkalan di Mumbai - iaitu yang terulung dalam industri kapal persiaran di India. SuperStar Libra menawarkan pelayaran-pelayaran persiaran biasa dan istimewa ke destinasi-destinasi di sepanjang pantai barat India. Pada musim panas 2006 yang serentak dengan musim monsun di

pantai barat India, SuperStar Libra akan dijadualkan belayar ke Timur Mediterranean dan berpangkalan di Valetta, Malta buat sementara waktu.

Star Cruises telah meneruskan strateginya untuk memperbaharui rangkaian kapalnya dalam tahun 2005. Ia telah menerima penghantaran dua buah kapal baru, iaitu **Pride of America** dan **Norwegian Jewel** masing-masing pada Jun dan Ogos 2005. Pada April 2006, ia telah menerima satu lagi penghantaran kapal baru, iaitu **Pride of Hawaii**. Star Cruises dijangka akan menerima dua lagi penghantaran kapal baru, iaitu **Norwegian Pearl** yang akan dihantar pada lewat tahun 2006 dan **Norwegian Gem** dalam 2007. Kapal-kapal baru yang menyertai rangkaian kapal Star Cruises akan menggemparkan pasaran dengan rekaan dan ciri-ciri mereka yang canggih dan inovatif.

**Bahagian Janakuasa** yang memegang kepentingan sebanyak 36.26% untuk loji janakuasa **Aban** dengan 113MW di India, telah mula beroperasi pada Ogos 2005. Loji janakuasa ini dan loji janakuasa **Lanco Kondapalli** di India dengan kepentingan yang dimiliki Bahagian sebanyak 30%, masing-masing telah memberi sumbangan positif kepada perolehan Kumpulan. Dengan pembelian empat loji-loji janakuasa di China, Bahagian ini kini mempunyai sejumlah tujuh loji janakuasa yang terletak di China, India dan Malaysia dengan jumlah kapasiti bersih hampir kepada 1,500MW. Bahagian ini akan menyelaraskan pemerolehan untuk memiliki 100% kepentingan loji janakuasa **Meizhou Wan** di China, iaitu loji janakuasa milikan 100% yang pertama untuk Bahagian ini. Loji-loji janakuasa tersebut akan menjadi pelantar bagi Kumpulan untuk memperkembangkan kedudukannya sebagai sebuah syarikat janakuasa serantau yang kukuh di Asia.

**Bahagian Perladangan** telah mencatatkan hasil yang lebih baik dan keluaran kelapa sawit yang lebih tinggi walaupun harga kelapa sawit turun dalam tahun 2005. Peningkatan hasil yang lebih baik telah dicatatkan, terutamanya daripada ladang-ladang kelapa sawit Bahagian ini di Sabah, Malaysia Timur. Bagi tahun dalam tinjauan, Bahagian ini telah meneruskan aktiviti-aktiviti penanaman kelapa sawitnya di tanah-tanah yang dibeli dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Bahagian ini telah menanam di tanah seluas 1,851 hektar di **Asiatic Jambongan Estate** dalam tahun 2005 dan dijangka akan menanam lagi seluas 1,469 hektar dalam tahun 2006. Penanaman di tanah-tanah milikannya dijangka akan berterusan untuk beberapa tahun lagi. Kini, Bahagian ini memiliki sejumlah enam kilang minyak kelapa sawit dengan jumlah kapasiti pengeluaran sebanyak 255 tan sejam. Bahagian ini mempunyai rancangan untuk membina sebuah lagi kilang minyak kelapa sawit dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 30 tan sejam di **Asiatic Indah Estate** untuk menampung peningkatan hasil keluaran yang dijangka akan lebih tinggi apabila kawasan-kawasan perladangannya yang

baru dan luas menjadi matang dalam tahun-tahun yang akan datang.

**Bahagian Hartanah** telah merekodkan prestasi yang baik walaupun sentimen pasaran harta tanah adalah sederhana di kawasan-kawasan projek harta tanahnya di Malaysia. Melalui strategi-strategi pemasaran dan promosi yang inovatif serta rekaan rumah yang cantik dan berfungsi, Bahagian ini telah mencatatkan prestasi yang lebih baik daripada projek utamanya iaitu **Asiatic Indahpura** di Kulai, Johor dan daripada pelancaran-pelancaran harta tanahnya di **Asiatic Cheng Perdana** di Melaka.

Perniagaan Kertas dan Pembungkusan di bawah **Bahagian Perkilangan** terus bermanfaat daripada permintaan yang lebih baik dan purata harga jualan kertas dan produk-produk kertas beralun yang lebih tinggi dalam tahun 2005. Bahagian yang berfokus environmental ini memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan dan telah melabur dalam usaha-usaha niaga baru. Usaha-usaha niaga ini menggunakan teknologi-teknologi baru yang berdasarkan kitar semula untuk menghasilkan dan mengeluarkan produk-produk inovatif baru seperti **Genting Bio-Oil** dan **Rite Wood**.

**Genting Bio-Oil** telah dilancarkan secara rasmi pada Ogos 2005 sempena ulang tahun yang ke 40 Kumpulan Genting. Produk baru ini menggunakan teknologi Pyrolysis yang canggih untuk mengeluarkan minyak-bio secara komersial daripada bahan-bahan bio buat terulung kalinya di Malaysia. Teknologi ini menukar bahan-bahan sisa seperti jambakan buah kelapa sawit kepada cecair minyak-bio bergred tinggi. **Genting Bio-Oil** ialah sumber tenaga yang boleh menggantikan minyak bakar dan diesel untuk menjanakan haba dan elektrik. Kegunaannya di masa depan termasuk penggunaan minyak-bio sebagai minyak pengangkutan dan penghasilan bahan-bahan kimia untuk tujuan-tujuan perindustrian. Kumpulan beroptimistik yang usaha niaga baru ini akan menerokai dan menawani segmen-segmen pasaran baru dan mempunyai potensi pertumbuhan yang amat cerah.

**Bahagian Minyak & Gas** yang mengendalikan **Zhuangxi Buried Hill Oilfield** di Wilayah Shandong, China telah mengeluarkan 192,896 tan (1.32 juta tong) minyak sumber telaga dalam tahun 2005. Ini adalah peningkatan hasil keluaran yang bermakna berbanding dengan tahun-tahun lepas dan kami berharap untuk mengekalkan hasil pengeluaran pada tahap ini atau tahap yang lebih tinggi untuk tahun-tahun yang akan datang.

Di Indonesia, Bahagian ini mempunyai kepentingan dalam tiga blok Kontrak Perkongsian Pengeluaran ("PSC"), iaitu **Anambas PSC**, **North West Natuna PSC** dan **West Salawati PSCs**. Dalam tahun 2005, kajian-kajian seismos 3D telah diperolehi dan diproses di luar pesisir blok-blok Anambas dan North West Natuna (kedua-duanya dioperasi dengan kepentingan 100%). Di pertengahan tahun 2006, tiga

telaga-telaga penerokaan akan digerudikan di dalam rantau kedua-dua blok di Laut China Selatan. Kepentingan sebanyak 49.99% dalam West Selawati PSC di Papua Barat telah diperolehi oleh Bahagian pada 15 Januari 2005, di mana kajian-kajian seismos baru dan satu telaga penerokaan telah dirancangkan untuk tahun 2006.

Bahagian ini terus mengawasi perkembangan-perkembangan di Muturi PSC dan projek Tangguh Liquefied Natural Gas ("LNG"). Subsidiarinya Laila Limited telah mengekalkan haknya (satu ganjaran tertunda) untuk menikmati aliran tunai jangka panjang pada masa hadapan daripada Muturi PSC dan projek Tangguh LNG. Pertimbangan tertunda tersebut dan pembinaan loji Tangguh LNG serta dua platform pengeluaran bagi Vorwata Field sedang dijalankan dan akan beroperasi pada akhir tahun 2008, di mana pada masa itu, bayaran bulanan bagi pertimbangan tertunda tersebut akan bermula. Ini dijangka akan berterusan di sepanjang tempoh kontrak Muturi PSC, di mana tempoh tersebut telah dilanjutkan oleh pihak berkuasa minyak dan gas Indonesia BPMIGAS hingga ke akhir tahun 2035.

### **PEMBANGUNAN KORPORAT**

Dalam tahun tinjauan, Kumpulan telah melaksanakan satu siri pemerolehan strategik and usaha pengumpulan modal dengan berjayanya demi memperkuatkannya perniagaan-perniagaan Kumpulan yang sedia ada and untuk memperluaskan tapak perniagaannya di dunia.

Pada 12 Januari 2005, Kumpulan melalui Genting International telah membeli **Maxims Casino Club**, iaitu salah sebuah kasino mewah terpilih di London, UK. Seterusnya, 50% kepentingan Maxims Casino Club telah dijualkan kepada Stanley Leisure plc sebagai sebahagian daripada pengaturan usaha sama dengannya untuk membangunkan kasino-kasino serantau di UK. Pada 9 Mac 2006, Genting International telah membeli semula 50% kepentingan tersebut dengan harga £8.5 juta. Genting International kini memiliki dan mengendalikan Maxims Casino Club, London dengan sepenuhnya.

Pada April 2005, penawaran terbitan hak yang dilaksanakan oleh Genting International pada November 2004 telah disempurnakan. Dana-dana yang dijanakan daripada terbitan hak ini telah membolehkan Genting International untuk menyelaraskan kesemua hutangnya dalam tahun 2005.

Dalam tahun tinjauan, Kumpulan telah merasionalisasikan perniagaan-perniagaan peranginan dan permainan luar negara di bawah naungan Genting International, syarikat subsidiarinya. Sebagai salah satu langkah rasionalisasi ini, Genting International telah memperolehi kepentingan ekuiti sebanyak 2.8% dalam Stanley Leisure plc daripada Genting Berhad dan 11.9% dalam London Clubs International Plc daripada Resorts World Bhd pada Mei 2005. Genting International kini memiliki 20% kepentingan ekuiti dalam

Stanley Leisure plc, iaitu salah satu pengendali kasino yang terbesar di UK dan 29.8% kepentingan ekuiti dalam LCI, iaitu pengendali kasino yang terkenal di UK, Mesir dan Afrika Selatan. Pemilikan kepentingan-kepentingan ini adalah sebahagian daripada pelaburan strategik portfolio Kumpulan, terutamanya dalam saham-saham syarikat tersenarai dalam industri-industri peranginan, keraian dan permainan kasino. Genting International kini merupakan salah satu pelabur asing yang terbesar dalam permainan kasino di UK.

Pada Jun 2005, Kumpulan melanjutkan usaha rasionalisasinya menerusi pemerolehan kepentingan equity oleh Genting International sebanyak 100% di dalam E-Genting Holdings Sdn Bhd, iaitu pemegang syarikat bagi eGENTING daripada Kumpulan. Rasionalisasi ini membolehkan Genting International untuk mempelopori kedudukan strategik Kumpulan di dalam industri permainan kasino di United Kingdom dan memperkuatkannya lagi kedudukan Kumpulan sebagai organisasi peranginan dan keraian yang unggul di sejagat dunia.

Pada April 2005, Kerajaan Singapura telah memberi kelulusan kepada projek pembangunan untuk dua buah resort bersepadu masing-masing di tapak Marina Bay dan Sentosa. Genting International adalah salah satu daripada empat penawar tender yang tinggal bagi projek di tapak Marina Bay. Genting International akan bekerjasama rapat dengan rakan-rakan peranginan dan hiburan antarabangsa terkemuka yang lain untuk pembangunan resort bersepadu yang dicadangkannya. Salah satu rakan terkemuka tersebut ialah Universal Parks and Resorts, iaitu pengendali taman tema utama yang telah membangunkan taman tema Universal Studios yang terkenal di seluruh dunia.

Pada 29 Mac 2006, Genting International dan Star Cruises telah bersama-sama mengemukakan kepada pihak Lembaga Pelancongan Singapura satu cadangan pembangunan resort bersepadu yang berikonik and bertaraf antarabangsa di tapak Marina Bay. Usaha sama Genting International dan Star Cruises dengan pegangan ekuiti sebanyak 75% dan 25% masing-masing, bercadang untuk melabur lebih daripada S\$5 billion untuk pembangunan resort bersepadu yang unik ini.

Cadangan berikonik ini akan digelarkan **Singapore Entertainment & Events Destination** ("S.E.E.D"). Jika dipilih, S.E.E.D akan menjadi destinasi pilihan di Asia yang mesti dikunjungi untuk hiburan, perniagaan and pengalaman unik. Pemenang bagi tender ini akan diumumkan pada pertengahan tahun 2006.

Pada 2 Disember 2005, **Genting International Initial Public Offer** ("IPO") telah berjaya dilancarkan di Singapura dan telah mengumpulkan perolehan kasar sebanyak S\$350 juta. Genting International telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Singapura ("SGX") pada 12 Disember 2005. Dana-dana yang dijanakan akan memperkuatkannya lagi kedudukan kewangan Genting International and membolehkan Kumpulan

untuk menerokai peluang-peluang baru dalam industri-industri peranginan, keraian dan permainan kasino.

**Bahagian Janakuasa** telah mencatatkan satu pencapaian yang bersejarah dalam tahun 2005 dengan pembelian empat loji janakuasa di China. Pembelian 26.2% kepentingan loji janakuasa **Meizhou Wan** 724MW, 60% kepentingan loji janakuasa **Suzhou** 109MW, 80% kepentingan loji janakuasa **Nanjing** 76MW dan 60% kepentingan loji janakuasa **Wuxi** 42MW tersebut untuk US\$70 juta bermula pada Jun 2005 dan telah disempurnakan pada 8 Disember 2005. Bahagian ini akan menyelaraskan pemerolehan untuk memiliki 73.8% kepentingan loji janakuasa **Meizhou Wan** yang selebihnya dan 100% kepentingan syarikat pengurusan projeknya dengan jumlah sebanyak US\$155.3 juta.

**Bahagian Perladangan** akan mencatatkan satu lagi pencapaian yang bersejarah untuk Kumpulan apabila usaha sama dengan rakan Indonesia yang dicadangkannya pada Jun 2005 untuk membeli dan membangunkan kira-kira 98,300 hektar tanah hutan di Kalimantan Barat Indonesia disempurnakan. Ini akan menjadi pelaburan luar negara yang pertama berkaitan dengan pembangunan perladangan kelapa sawit bagi Bahagian ini. Pembelian bidang tanah pertama seluas 14,500 hektar bagi usaha sama ini dijangka disempurnakan pada akhir suku kedua tahun 2006.

#### TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Kumpulan telah berpegang teguh dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat dan memberi sokongan kepada pelbagai badan kebajikan, organisasi bukan kerajaan, persatuan sukan dan usaha baik di negara ini. Kumpulan telah menyumbangkan lebih daripada RM3.5 juta kepada tabung-tabung bantuan berkaitan bencana tsunami. Dalam usaha mempertingkatkan amalan kesihatan di Malaysia, Kumpulan telah menyumbangkan RM1 juta kepada PRIDE, iaitu satu organisasi yang bertujuan meningkatkan kesedaran serta memperbaiki mutu kesihatan dan rawatan kanser buah dada di Malaysia di samping RM108,600 kepada Mercy Malaysia Organisation, iaitu satu organisasi bantuan perubatan. Usaha-usaha baik yang lain termasuk sumbangan sebanyak RM700,000 kepada Yayasan Budi Penyayang Malaysia, iaitu satu yayasan kebajikan yang memupuk nilai-nilai keluarga.

#### PROSPEK

Kumpulan Genting akan terus berhati-hati dalam membangunkan strategi-strategi berkesan dan berkompetitif demi memperkuatkukan lagi aktiviti-aktiviti perniagaan. Pelbagai perkembangan positif dalam industri-industri peranginan, hiburan dan permainan kasino di UK dan rantau Asia dan juga dalam industri-industri janakuasa, perladangan dan minyak & gas merupakan peluang-peluang bagi Kumpulan untuk terus berkembang tapaknya di seluruh dunia.

Dengan pasukan pengurusannya yang berpengalaman, kekuahan kewangan dan rekod pencapaian yang cemerlang, Kumpulan yakin untuk membangunkan saluran-saluran pendapatan baru yang akan menjamin pertumbuhan jangka panjang dan mempertingkatkan nilai untuk para pemegang saham.

#### PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada para pemegang amanah harta kami yang termasuk para pelanggan, pemegang saham, sekutu niaga kami dan pelbagai pihak berkuasa ke atas keyakinan berterusan terhadap Kumpulan kami. Saya ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengurusan dan para pekerja ke atas dedikasi dan usaha mereka dalam menjayakan kesemua pencapaian kami dalam tahun 2005. Kumpulan Genting telah diiktirafkan sebagai **Syarikat Terkemuka Nombor 1 di Malaysia buat kali kesepuluh** oleh Asian Wall Street Journal pada Januari 2005.

Saya juga merakamkan penghargaan saya kepada rakan-rakan ahli Lembaga Pengarah yang sentiasa memberi sokongan dan pandangan berharga kepada Kumpulan dalam sepanjang tahun ini.

Sepanjang empat dekad yang lalu, Kumpulan telah berkembang dan memberi sumbangan positif kepada pembangunan ekonomi negara. Sempena menyambut ulang tahun Genting ke 40 dalam tahun 2005, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghormatan kepada Pengasas dan Pengerusi Kehormat Seumur Hidup kami Tan Sri Lim Goh Tong, yang telah dianugerahkan sebagai **Travel Entrepreneur of the Year** di Travel Trade Gazette Awards 2005. Penganugerahan istimewa ini memberi penghormatan kepada pencapaian cemerlang dan sumbangan positif Pengasas kami kepada industri pelancongan dan pengembalaan di rantau ini. Saya juga berasa hormat dan rendah diri untuk menerima anugerah **Most Outstanding Hospitality Developer** di Hospitality Asia Platinum 2005. Anugerah-anugerah kecemerlangan tersebut merupakan satu pengakuan penting ke atas usaha-usaha dan sumbangansumbangan kami untuk negara dan industri-industri pelancongan.

Saya berjanji mendedikasikan usaha saya untuk terus membangun dan mencapai tahap kejayaan yang lebih tinggi untuk Kumpulan Genting.

#### TAN SRI LIM KOK THAY

Pengerusi

18 Mei 2006

# 主席文告

“我們承諾將繼續使本集團持續不斷地增長，以取得更大的成就。”

我謹代表董事部欣然呈獻 2005 年 12 月 31 日止新嘉坡（本集團）的常年報告及已審核的財政報告。

## 業績回顧

雖然面對來自全球的挑戰，諸如油價上漲以及利率提升，但馬來西亞經濟在 2005 年仍達到 5.3% 的錄得成長，配合我國經濟成長，本集團在 2005 年取得了更好的業績。本集團在 2005 年取得了五十五億零吉新高紀錄的營業額，比 2004 年的四十六億令吉增長了 17%，而同年的稅前盈利則增加了 37%，超越廿億令吉大關，創下廿四億令吉的第一個新高紀錄（2004 年的稅前盈利則為十八億令吉）。

2005 年的營業額與盈利增長，歸功於休閒及酒店組、石油與天然氣組，以及產業組的貢獻。本集團休閒及酒店組的營業額增加，歸功於較高的訪客人次，以及休閒博彩業務表現良好，而產業組則受惠于 2005 年售出產業中獲得較高的進帳。至於石油與天然氣組，則因較高的平均售價與產量增加中獲利。

另外，種植組的營業額減少，主要是 2005 年的油棕產品售價下降所致，而電力組營業額處低水平，是基於對所有風能發電進行檢查，以及馬來西亞瓜拉冷岳發電廠進行維修工作，導致營運次數減


少。此外，由於產品售價走高，擴大了製造組的營業額，惟由於生產成本、修理與維修工程費用提高，削減了盈利水平。

## 財政重點


截至 12 月 31 日止年度	2005 年 百萬令吉	2004 年 百萬令吉	增減 %
營業收入	5,454.1	4,847.0	17
稅前盈利	2,439.3	1,778.8	37
稅後盈利	1,811.7	1,434.1	26
年產淨產值	1,247.0	928.0	34
股東權益	8,002.0	7,858.5	14
全部應用資產	18,491.3	16,596.5	11
每股基本收益(仙)*	175.95	131.75	34
每股淨資產(仙)*	176.05	131.32	34
每股淨資產(仙)	20.88	17.28	21
股息派定率(仙)*	8.5	7.6	12
每股淨有形(令吉)	12.75	11.17	14
每股淨有形資產(令吉)	12.56	11.15	13
平均應用股權(在扣稅及 少數股東利益後)的比率(%)	14.78	12.45	19

\*根據扣稅及少數股東利益後的盈利計算。


## 稅前盈利




## 全部應用資產



## 每股基本收益



## 每股淨有形資產



本集團2005年來自共同監管和聯營公司的盈利，增加了32%至四千五百八十八萬令吉，其中的盈利分額包括美星娛樂有限公司（美星娛樂）的一千五百四十萬令吉盈利（2004年的盈利份額為一千二百八十萬令吉）。此外，2005年的盈利，還包括本集團希得雲頂國際有限公司持股權，所獲得的一億三千六百七十萬令吉一次過盈利，以及一億一千三百五十萬令吉的一次過投資盈利。

#### 股息

本集團的政策，是要在股息分派、谨慎理财及未來業務擴展的撥款之間維持合理的平衡。

每股享有10.0仙，但須扣28%稅，而高達五千零七十萬令吉的中期股息，已于2005年10月28日付出。配合本集團良好的整體業績表現，董事部建議2005年終期股息，從上一個財政年的每股16.0仙，增至19.0仙，但須扣28%所得稅。

建議中的終期股息高達九千六百五十萬令吉，須獲得行將來臨的第35屆常年股東大會的批准。本年度分發的每股股息總額，從上一年的24.0仙增至29.0仙。

#### 業務發展概況

作為亞洲其中一家管理出色與頂尖的跨國企業，雲頂集團承諾將不斷加強與發展核心業務。雲頂集團在2005年歡慶四十周年紀念，度過了特別而且難忘的一年。在這特別的一年中，本集團達致多項重大成就，並通過完成主要的企業計劃，進一步鞏固本身的地位來邁向成長。

#### 雲頂高原勝地

休閒與酒店組最珍貴的資產，却雲頂高原勝地獲得2005年世界旅遊大獎的世界卓越勝地名號與亞洲卓越勝地名號之殊榮。這項殊榮象征著對其卓越服務水準與譽譽全球的認可。本集團對這些殊榮深感榮幸之餘，更值得稱道的是，雲頂高原勝地不只是勝地名勝，這是一個“綜合娛樂城”，而且是馬來西亞其中一個極具代表性的旅遊勝地。雲頂高原勝地是一個結合休閒與娛樂名勝，從室內與戶外遊樂區、大型娛樂表演與盛會、購物樂趣、飲食饗宴、溫泉浴、高爾夫球、賽車、生態自然活動，以及其他不勝枚舉的活動都一應俱全，這個單所周知的雲頂娛樂城，在2005年吸引了一千八百七十萬新高紀錄的訪客人次。

雲頂娛樂城在慶典後巡舉行的一整年，為一家大小提供歡樂與娛樂。2005年創下九百八十八個表演天數的新高記錄，其中包括世界級水準的娛樂表演與星光熠熠音樂會，累計超過八十萬名客人提供娛樂節目。多位頂級知名巨星在勝地舉行演唱會，包括Robin Gibb、Michael Bolton、Engelbert Humperdinck、Sheena Easton、Laura Fygi與Michael Learns to Rock合奏團以及世界首席流行樂隊Platters等等。同時，倫敦西區音樂劇，例如Oliver以及獲得高度讚美的Xtreme與Xtreme II，贏得男女老少訪客的掌聲。

馬來西亞最大兼最高，集酒店、購物與娛樂于一身的第一大酒店及第一廣場，在2005年邁向另一個重大里程碑。坐擁三千間客房

的第一大酒店2號大樓已于2005年12月竣工。隨著整個建造工程完工，我欣然宣布第一大酒店是世上最大的酒店，總共擁有六千二百間客房。

美星俱樂部（Maxime Club）在2005年進一步提升六星級住宿與服務水準，雲頂酒店的四層樓改裝為美星超豪華賓館，美星超豪華賓館坐落在雲頂酒店第十七與十八樓，包括一間一萬三千平方尺設備齊全豪華與精美的豪華套房。設計文雅的M Spa & Fitness，擁有最新潮的健身設備與各類溫泉治療，是最佳的消除壓力與放鬆身心的好去處。這些嘉獎都一再加強美星俱樂部作為當地豪華客戶享受豪華服務待遇的首選。

本集團不斷推升進階與基礎設施，以確保訪客順利與安全地抵達勝地。從2004年開始動工，山頂與清水岩之間的4.5公里長的雙行雙道公路，已于2005年8月竣工，這條道路是通往勝地山頂的另一條道路，有助舒緩旅遊旺季時段的運動交通流量。本集團開始在2005年5月份興建一種新的員工住宅大廈，以應付日益增加的員工數量。有關員工大廈預計在2007年竣工。

至今為止，本集團已投資了五十億令吉來發展勝地，並將會繼續透過再投資，來持續提升各方面設備。

雲頂遊樂園在這一年獲得2005至2006年亞洲酒店業白金大獎的“最佳家庭名勝”獎項，這項殊榮再次突顯出勝地的知名度，以及對其高水準服務與產品之認可。此外，雲頂遊樂園是本區域首家獲得勞埃德保險有限公司ISO 9001:2000認證的遊樂園，以表揚這個遊樂園的高素質管理系統與經營標準。

雲頂遊樂園將繼續為訪客提供無窮盡和刺激的娛樂。由著名過山車設計師精心設計，亞洲首推的懸掛式滑行飛車 Flying Coaster—旋風飛，每年吸引數以百萬人計的訪客親身體驗不可思議的無重心飛行享受。在這一年，戶外遊樂園增加了新穎小孩坐遊設備。另一個新穎亮點就是本地首開先河的四維動感電影—4D Motion Master Theater。

本著推介新穎與追上潮流的餐饮概念，本集團同時裝修現有餐廳，以在2005年提供訪客更廣泛的食物與服務享受。咖啡角（Coffee Terrace）、名勝餐廳（Resort Café）與甘榜餐廳（Restoran Kampong）都重新設計概念，以創造現代化與懷舊一新的氣氛，讓食客更加享受用餐情趣。本勝地的頂尖西餐廳The Olive也在2005年11月贏得亞洲酒店白金大獎的“最出色餐廳大獎”。

#### 雲頂國際

本集團透過雲頂國際于2005年1月取得倫敦美星賭場俱樂部的營運控制權，隨即便積極地提升業務效率、制度與管範。與此同時，雲頂國際除了逐步進行再投資計劃，準備重新裝潢雲頂俱樂部之廟，也不排除可能與雲頂高原美星俱樂部有更進一步的合作，兩並肩進行擴大行銷計劃。整體上，倫敦美星賭場俱樂部2005年的表現令人滿意。

在2006年2月3日，本集團透過雲頂獲收購倫敦教育寧頓地區（Kensington）的三項產業，包括肯辛頓商業街第99-121號（99-121 Kensington High Street）、德裡街一號（1 Denry Street）與

肯辛頓廣場 25 號 (25 Kensington Square)，以擴大在倫敦的業務。有關產業的總價值一億零九百四十萬英鎊，由一家寡頭經營公司擁有三分之一股權的華資公司，即 508 控股私人有限公司所收購。這家華資公司的剩餘股權的另兩家夥伴興富地產地有限公司 (CapitaLand) 和 HPL 產業有限公司有份，每家夥伴各擁有三分之一股權。

由雲頂實業管理，本集團的客戶忠誠計劃推出的環通卡，在 2005 年持證成員，目前擁有近二百萬名會員。隨著 2004 年 1 月與麗星郵輪簽署協議，環通卡得以聯手方式開發與推動客戶忠誠計劃，環通卡會員可在馬來西亞、新加坡、香港等地共二百七十個商家，分布在休閒、餐飲、零售與娛樂等領域的一千五百間分店，享受跨邊界價值與認可地位。

#### 阿娃娜酒店與名勝

儘管 2004 年 12 月印度洋大海嘯災難，影響到訪馬來西亞海濱地區名勝的訪客人次，但通過創新行銷與諮詢出色服務，阿娃娜的這家酒店取得不俗的表現。登喜樓的阿娃娜現住高爾夫海濱勝地，連續第二年蟬聯休閒酒店刊物的 2005 年度東海岸第一名號。

#### 麗星郵輪有限公司

本集團的附屬公司麗星郵輪有限公司 (麗星郵輪)，連續八次獲得 2005 年 TTG 旅遊大獎中的“亞太區最佳郵輪業者”。麗星郵輪在 2005 年 9 月擴大亞洲航線，服務地區囊括了印度，同時天秤超級巨星號在孟買設立首個船籍港，這是首開印度郵輪行業之先河。天秤超級巨星號在印度西海岸，提供經常與特別郵輪服務。

在 2006 年夏天，適逢印度西海岸雨季，因此天秤超級巨星號將暫時配置到地中海東部，同時啓航港口設在馬耳他瓦萊塔。麗星郵輪在 2005 年重新調整船隊的策略，它分別在 2005 年 6 月與 8 月從獲得過艾爾西斯郵輪，即美國之傲 (Pride of America) 及挪威寶石號 (Norwegian Jewel)。除了將在 2006 年 4 月及年杪續交二艘新郵輪，即夏威夷之傲 (Pride of Hawaii) 及挪威珍珠號 (Norwegian Pearl) 外，麗星郵輪預料在 2007 年獲得道交一艘新郵輪——挪威珍寶號 (Norwegian Gem)。這些新郵輪將壯大郵輪阵容，而且憑著創新設計與巧奪天工的精勸超越同行。

電力組持有 36.26% 股權的印度 113 兆瓦 Aban 發電廠於 2005 年 8 月份開始營運。總合這個發電廠及其旗下 30% 的印度 Lanco Kondapalli 發電廠，為本集團貢獻盈利。隨著收購中國國家發電廠後，電力組如今總共擁有七家發電廠，分別坐落於中國、印度與馬來西亞，而共擁有總近 1,500 兆瓦淨發電量。本組即將獨資擁有一家發電廠，即中國瀋州海豐發電廠。在本集團致力於發展成為亞洲區域電力供應業者之際，這些發電廠可作當良好的平臺。

種植組方面，儘管油棕收益及產量有增長，但卻被 2005 年棕油價格下降而拖低。油棕收株及產量增加，主要歸功於本組在東馬來西亞沙巴州的油棕園。種植組今年也持續收購土地及種植油棕活動。本組 2005 年在 Aslatic Jumbongan Estate 園址種植 1,851 公頃土地，預料在 2006 年會在 1,489 公頃地段進行種植活動。本組未來幾年，將繼續在持有的地產種植油棕。目前，種植組擁有六個種植廠，每小時共能生產 255 公噸棕油，種植組計劃在

Aslatic Indah Estate 延建另一個每小時能生產 30 公噸棕油的榨油廠，以應付收成會在未來幾年大幅增長的新種植地段。

產業組在 2005 年取得不俗的表現，儘管馬來西亞的產業市場行情保持穩定。通過創新行銷與促銷策略，在柔佛州吉來推出的產業旗艦發展計劃，即亞地種植優美城 (Aslatic Indahputra) 與新推介的長六甲亞地種植華南花園 (Aslatic Cheng Perdana)，都有優良的表現。

製造組屬下的造纸與包裝業務，在 2005 年因紙張與玻板需求的增長和較高的平均售價而穩中獲益。這項注重環保及研發的業務，也開始參與新的投資活動。新投資涉及採用再循環科技，以創造與製造創新型產品，如雲頂生物油 (Genting Bio-Oil) 與 Rite Wood。

配合雲頂集團的四十周年紀念，雲頂生物油于 2005 年 8 月正式推介。這項新產品是將油棕果串等無用物質，轉化為高級別的液化生物油。這也是馬來西亞首個採用創新高溫分解科技，以生物質油來商業化生產的生物油。雲頂生物油是再生能源的來源，可替代柴油與柴油來發熱與發電。其未來的應用途徑包括將生物油充作重油燃料與採取化學製品供工業用途。本集團樂觀地相信，這些投資可創造與爭取到新的市場區隔，而且未來極具成長潛能。

石油氣體組在中國山東省齊齊哈爾市的莊西古潛山油田 (Zhuangxi Buried Hill Oilfield)，在 2005 年生產 19 萬 2 千 896 公噸 (132 萬桶) 重複石油。石油產量大幅高過前一年，我們預期未來幾年可維持在這個水平，甚至獲得更高產量。

本組在印尼擁有三項油產的生產分享合約，目前正在進行探測工作，其中包括 Anambas、Northwest Natuna 與 West Salawati PSC 生產分享合約。在 2005 年期間，本組在遼寧的 Anambas 與 Northwest Natuna 油產 (兩者皆擁有 100% 股權) 獲得立體地形探測，並加工處理。在 2006 年中，在這兩個位於南中國海的油產，將進行三噴油井探測工作。本組于 2005 年 1 月 15 日收購 West Papua 的 West Salawati PSC 生產分享合約之 49.99% 股權，並於 2006 年進行新的地形探測與油井探測工作。

本組也繼續監督 Muturi PSC 生產分享合約及 Tangguh 液化天然氣 (LNG) 的項目，其子公司 Lalla 有限公司已獲得保留 (延期考慮) 享有來自 Muturi PSC 生產分享合約及 Tangguh 液化天然氣未來長期現金流點的權利。延期考慮與 Tangguh 液化天然氣項目的興建工程，以及兩個 Vorwata 油田生產平臺，預計在 2008 年杪投入生產，屆時延期考慮的逐月付款也將開始。這預料將與 Muturi PSC 生產分享合約期限一致，印尼的石油天然氣管道機構 BPMIGAS PSC 已將有關生產合約延長至 2035 年杪。

#### 企業發展

在這一年，雲頂集團成功完成的數項策略性併購及資本擴大計劃，進一步強化集團現有業務及在全球的名望。

本集團在 2005 年 1 月 12 日，通過雲頂國際完成收購英國倫敦莫里斯賭場俱樂部 (Maxims Casino Club) 的 100% 股權。與此同時，作為丹尼尼休閒有限公司 (Stanley Leisure) 部分財務投資安排，雲

雲頂購回巴美星賭場俱樂部 50% 股權的前者，以在英國發展區域性賭場。在 2006 年 3 月 9 日，雲頂國際重新以八百五十萬英鎊價格回購上述股權。如今雲頂國際全面擁有與負責經營倫敦美星賭場俱樂部。

本集團透過雲頂國際於 2004 年 11 月進行的一項可拆卸附加設計計劃，已于 2005 年 4 月完成。此項附加設計籌集的資金，預算雲頂國際在 2005 年用作償還所有未償還貸款。

在這一年，雲頂集團也進行了業務合理化，把其海外休閒及賭場娛樂相關業務，併入股權于子公司雲頂國際旗下。合理化活動的部分，包括雲頂國際於 2005 年 5 月購入本集團持有的史丹尼休閒 2.8% 股權及名勝世界持有倫敦俱樂部國際 (LCI) 的 11.9% 股權。雲頂國際目前持有英國其中一家最大賭場業者史丹尼休閒有限公司 20% 股權，以及賭場業務遍布美國、埃及與南非，並在業內頗享聲譽的倫敦俱樂部國際 29.8% 股權。這些股權是本集團策略性投資的部分組合，主要是投資在休閒、酒店與博彩行業的上市公司。雲頂國際目的是英國博彩市場中最大的外資投資者之一。

雲頂集團於 2005 年 6 月也將雲頂資訊 (eGENTING) 合理化，歸屬在雲頂國際的企業傘下。雲頂資訊將充當雲頂國際的業務先鋒，而雲頂集團也將在現有的先進資訊系統，以及日益融合的全球博彩業資訊系統與博彩相關軟件開發方面受惠。

新加坡政府在 2005 年 4 月，批准各在濱海灣與聖淘沙兩地進行綜合名勝城為計劃。雲頂國際是濱海灣綜合娛樂城國家儲存營運者之一，雲頂國際將在委託中的綜合名勝發展計劃中，與其他國際休閒與娛樂品牌夥伴密切合作。其中一家夥伴是知名的美國環球公園娛樂，這是世界著名的主題公園營運者，負責開發全球知名的環球影城主題公園。

雲頂國際與麗星郵輪在 2006 年 3 月 29 日，舉手向新加坡旅遊局提交世界級水準的濱海灣綜合名勝發展計劃建議書。雲頂國際與麗星郵輪各持有 75% 與 25% 股權，並準備投資超過五十億新元來發展這個獨一無二的綜合名勝。這個獨具匠心的建議書將稱為新加坡娛樂與會目的地 (Singapore Entertainment & Events Destination，簡稱 S.E.E.D.)。一旦獲准，S.E.E.D. 將會是亞洲不容錯過的集娛樂、商業與獨特體驗的地點。有關競標的得主身份將在 2006 年中公布。

雲頂國際於 2005 年 12 月 2 日，在新加坡首推出公開發股計劃，成功從中籌獲三億五千萬新元。雲頂國際於 2005 年 12 月 12 日于新加坡交易所 (SGX) 主板掛牌。雲頂國際自上市籌集的資金，將進一步加強財務地位，並確保本集團有充足的努力開發休閒、酒店與博彩業的新投資機會。

2005 年收購中國四家發電廠，擴電力網邁向重要的里程碑。本組于 2005 年 8 月開始的收購計劃，包括 724 兆瓦的溫州華發電廠的 26.2% 股權、109 兆瓦的蘇州發電廠的 60% 股權、76 兆瓦的南京發電廠的 80% 股權，以及 42 兆瓦的無錫發電廠的 60% 股權。悉數收購計劃于 2005 年 12 月 8 日完成，收購價格達七千萬美元。電力組將連接以約一億五千五百三十萬美元價格，收購溫州華發電廠的 73.8% 股權，以及其工程管理公司的 100% 股權。一旦完成收購溫州華發電廠的 73.8% 股權，本集團將擁有首個發電廠。

有的發電廠。

隨着 2005 年 6 月建議與印尼夥伴聯營，收購與發展印尼西加利曼丹占地 98,300 公頃森林地段的計劃後，種植組也將邁向另一個重大里程碑。這是種植組首個在馬來西亞境外進行的油棕相關投資計劃。聯營收購計劃的首個地段占地 14,500 公頃，預計在 2006 年第二季完成。

### 企業社會責任

為落實我們作為一家有愛心與負責任的企業公司，本集團繼續向我國各種不同的慈善團體、非政府機構、體育協會及其他公益事業給予支持。基于人道立場，本集團已對海嘯相關災難援助基金，作出三百五十萬令吉的捐獻。為了協助改善長來西亞的醫藥保健水平，本集團捐助了一百萬令吉給 PRIDE，這是馬來西亞一個與治療乳癌與提高認識，同時改善保健水準有關的組織。本集團也同時捐助十萬八千六百令吉給一家醫藥救濟組織，即 Mercy Malaysia Organisation。此外，我們也捐助七十萬令吉給加強家庭情懷的慈善基金會，即 Yayasan Budi Penyayang Malaysia。

### 前景

雲頂集團將繼續保持警醒，採取有效和具競爭的策略，進一步加強業務活動。英羅與亞洲地區在休閒、娛樂與博彩業，以及電力、種植與石油天然氣行業等各方面的正面發展，都成為本集團持續擴張全球業務的良機。

本集團憑著經驗豐富的管理隊伍、穩健的財務與良好的過往記錄，有信心創造新的收入來源，以確保長期成長與加強股東的利益價值。

### 致謝

我謹代表董事部藉此機會感謝我們的利益相關者，包括我們的客戶、股東、商業夥伴和各有關當局對本集團一直以來所給予的信任。我也要對管理層和員工的辛勤苦幹、獻身工作及忠心耿耿致以謝意。雲頂集團已于 2005 年 1 月第十次獲得亞洲華爾街報頒獎馬來西亞首要企業第一名。

我要感謝尊貴的董事同仁過去一年來所給予的支持，和為本集團提供寶貴的意見。

過去四十年來，本集團不斷成長，而且對國家經濟發展作出正面貢獻。在 2005 年歡慶四十周年紀念之餘，我謹借此機會向我們的創辦人丹斯里林格南先生致予最崇高的敬意，他也于 2005 年獲得 TTG 旅遊大獎的最佳旅遊企業獎項。這項特別大獎充分說明了我們創辦人的出色成就，以及他對本區域觀光旅遊業的正面貢獻。我也很榮幸地獲得 2005 年亞洲酒店業白金大獎的最優秀酒店開發者獎項。這些獎項都認可了我們對國家經濟與旅游業所付出的努力與貢獻。我誓言將更加獻身于工作，來進一步推動雲頂集團的成就，邁向更高峰！

丹斯里林國泰  
主席  
2006 年 5 月 18 日